

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

SAU204 - Masyarakat Tani

Masa: (3 jam)

Bahagian A adalah wajib. Pilih EMPAT soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (20 markah)

Tiap-tiap soalan pendek adalah wajib dan akan diberi markah yang sama. Gunakan kertas ini untuk jawapan anda.

1. Menurut Fallers kaum penanam di Afrika Sub Sahara tidak dapat dianggap sebagai petani. Kenapa?

(4 markah)

2. Beri dua alasan mengapa sarjana-sarjana sains sosial kurang berminat untuk mengkaji masyarakat tani sebagai kategori sosial yang khas.

267

(4 markah)

...2/-

3. Sahlins berpendapat bahawa sistem perdagangan kaum petani primitif di Pulau-Pulau Pasifik mempunyai corak yang berlainan daripada sistem pasaran masyarakat tani yang umum. Jelaskan.

(4 markah)

4. Mengapakah penyelidikan Redfield dan Lewis tentang sebuah masyarakat "folk" di Mexico mendatangkan kesimpulan yang berlainan mengenai kebudayaan petani?

(4 markah)

5. Menurut pendapat Atieno-Odhiambo apakah faktor politik yang mengakibatkan hakisan tanah di Afrika.

(4 markah)

...3/-

Bahagian B (80 markah)

Pilih EMPAT soalan sahaja. Gunakan buku jawapan.

6. Huraikan kenyataan-kenyataan yang berikut sambil menggunakan unsur-unsur sosial yang berkenaan:
 - (a) Kemerosotan bilangan petani kecil di Malaysia
 - (b) Kemiskinan kaum pertanian di Kelantan
 - (c) Status sosial rendah petani-petani wanita
 - (d) Kesan revolusi hijau atau struktur sosial luar bandar

(20 markah)

7. Mengikut buku panduan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan fokus kursus ini terdiri daripada beberapa pokok pembicaraan. Pilih dua darinya dan bincangkan isu-isu yang khas dari sudut berbanding antara Malaysia dan sebuah negara yang lain.

(20 markah)

8. Bincangkan pendekatan yang digunakan oleh Dalton untuk menggambarkan perubahan konsep "peasant". Berikan dua kritikan terhadap teorinya dan cadangkan pendekatan yang lebih sesuai untuk mengkaji ciri-ciri istimewa masyarakat tani.

(20 markah)

9. Kaitkan sistem keluarga dan sistem penghasilan pertanian. Berikan dua contoh. Kemudian terangkan kaitan antara kitaran pembangunan keluarga dan kemunculan unsur-unsur kapitalis di kalangan petani rancangan MUDA.

(20 markah)

10. Apakah sifat budaya yang sejagat yang timbul daripada tinjauan ke atas beberapa masyarakat tani seperti Poland, Latin Amerika, China dan India? Sebutkan empat ciri dan jelaskan mengapa konsep kebudayaan petani mesti diguna dengan teliti.

(20 markah)

11. Berikan sifat-sifat khas ragam penghasilan (mode of production) pertanian di dalam:

- (a) Teori Chayanov
- (b) Sosialisma kooperatif (Laos)
- (c) Sistem peneroka FELDA

(20 markah)

12. Bandingkan dua sistem pertanian, iaitu:

- (a) Sistem tanaman swidden
- (b) Sistem pengairan (haidrolik)

Beri perhatian pada corak ekoteknik (Wolf), hak milik tanah, bentuk penempatan kaum petani, tujuan penghasilan, struktur kelas sosial.

(20 markah)